

09/06/1999

Siapa pembela perkembangan IT yang masih tergugat?

SATU lagi sejarah dalam kemajuan teknologi maklumat (IT) negara terukir kelmarin, dengan pembukaan rasmi Cyberjaya.

Projek yang menelan belanja berbilion ringgit itu akan menjadi nadi Koridor Raya Multimedia (MSC) yang turut menempatkan pusat utama pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Kita sebagai rakyat Malaysia seharusnya berbangga dan megah dengan kejayaan itu, malah harus memberi tabik spring kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas pandangan jauh beliau.

Soksek-soksek yang didengar dari seberang Tambak, kewujudan MSC rupanya mengejutkan jiran kita daripada tidur lenanya selama ini.

Malah dari soksek-soksek itu juga, pihak pemerintah telah memanggil pegawai yang menjadi ketua kemajuan ITnya kerana lambat bertindak untuk menghasilkan projek mega mereka seperti MSC kita.

Walaupun kena maki hamun, beliau cepat bertindak menggunakan kuasa Pentium 911XHznya sehingga mampu mengubah keadaan, menjadikan negara itu termaju daripada kita kini(?)

Dalam syok menikmati kemajuan itu, kita pula perlu sedar adanya gunting dalam lipatan yang akan bertindak pada bila-bila masa untuk mengeruh, memudar, malah merosakkan perkembangan IT negara.

Contohnya, Plaza Imbi, boleh dianggap sebagai hub IT juga kerana banyak perkara yang berkaitan IT terdapat di sana, sama ada dalam bentuk produk terkini atau yang bakal dikeluarkan serta sebagainya. Ramai orang dan pihak yang tahu tentang perkara ini. Ada yang buat laporan tetapi malangnya, masuk telinga kanan, keluar telinga kiri. Hai... itu biasalah di sini kan? Tapi sampai bila?

Ada yang hendak bersama dalam masyarakat bermaklumat sebagaimana dilaungkan kerajaan, terpaksa menempuhi mimpi ngeri (KOMPUTER 2 Jun, 1999). Itu baru seorang (daripada entah berapa ratus lagi) yang bercerita mengenai kawasan terbabit. Tentu ada beratus, malah beribu cerita yang tak dapat dicungkil manakala e-mel di sini sudah pun menerima beberapa cerita lain dari seluruh negara.

Kena tipu, tertipu dan ditipu apabila PC atau perkara lain sudah menjadi lumrah dalam kehidupan sekarang, terutama dunia menuju ke alaf baru serta berteknologi digital.

Petaling Street (PS) di Kuala Lumpur juga tidak kurang hebatnya jika dibandingkan dengan MSC. Perbezaannya hanyalah PS bukannya dalam kawasan Cyberjaya. Namun demikian, banyak produk termaju, termasuk jenis digital, boleh didapati di sana.

Dua tempat ini kini menjadi sasaran produk kelas dua@tiruan@rompak yang sekali gus mewujudkan pandangan buruk perkembangan IT negara sehinggakan menakutkan sesetengah pihak.

Akibat keadaan begitulah terdapat soksek yang mengatakan sebuah syarikat IT utama dunia begitu takut untuk membuat pelaburan besar di sini walaupun kantungnya penuh dengan duit emas.

Sudah lama pihak atas dan bawah sedar tentang perkara ini. Walaupun ada juga "sesuatu" dilakukan tetapi malangnya "sesuatu" itu bagaikan baja yang menyuburkan lagi kegiatan di sana serta di tepi jalan: Satu kena, berpuluh lagi tumbuh.

Walaupun Cyberjaya jauh daripada dua tempat ini, lambat-laun ia boleh merebak ke situ dan mencemarkan tarafnya. Kerajaan menjadi pemangkin Cyberjaya tetapi siapa pula yang membela kedua-dua tempat ini serta yang

di tepi jalan sehinggakan kegiatan dan kemajuannya boleh dikatakan jauh lebih baik daripada kawasan MSC?

Jika dikatakan tahap penguatkuasaan kita masih perlu dipertingkatkan lagi, tentu ada pihak yang tak senang hati atau tak boleh menerima kenyataan ini. Walau apa pun, sama-samalah kita renungkan persoalan ini. Jangan pasal salah bela, ada yang lebih hak tidak terbela pula.

Harus diingat, sekarang wujud penjenayah siber yang sukar dikesan. Sekiranya penguatkuasaan gagal bertindak, tentu Cyberjaya akan tergugat.

Di Amerika Syarikat, seorang budak dilaporkan menghantar "secara tidak sengaja" mesej ugutan kepada presidennya, apakah ini boleh berlaku di Malaysia?